SK Jalan Bukit (1964)

Dirujuk oleh

- Kajang 1980-1990-an

Perihal

“Sekolah Kebangsaan Jalan Bukit Satu atau nama ringkasnya SK Jalan Bukit Satu, merupakan sebuah Sekolah Kebangsaan yang terletak di Jalan Bukit. Sekolah ini dibuka pada tarikh 1 Januari 1964. Sekolah ini juga mempunyai tembok pemisah yang memisahkan Sekolah Menengah Jalan Bukit dengan sekolah ini yang telah dibina oleh orang-orang Jepun semasa perang dunia II.” (Wikipedia).

Kiri: SK Jalan Bukit (Satu), 2018 (Facebook Skjbsatu Kajang Selangor, 25 Oktober 2018: "Skjbsatu Kajang Selangor").

Kanan: SMK Jalan Bukit, *angys* @ Wikimedia, 9 Julai 2022: "SMK Jalan Bukit, Kajang").

Latar Pembukaan

“She was the pride of our once-little town where everyone knew each other. Nicknamed Ah Lek Goo (which in Hakka means “clever girl”), she was one of the 26 children of Chai Loy, a wealthy local merchant. She was a gifted soprano and would render the legendary Chinese actress and singer Chow Suen’s songs to the delight of the neighbourhood. Many expected Ah Lek Goo to finish school with a Cambridge Certificate (equivalent to SPM), get a job and be married. That was the sum total of the ambition of a girl during the 1950s. But Ah Lek Goo had other plans. Returning to Kajang after completing her Teacher’s Training, she taught for several years in Yu Hua School and Kajang High School. She found teaching dull and longed for something more challenging. But nothing was available for an ambitious young woman in that era.

Then, it happened – a new school was about to open on Hill Street (now known as Jalan Bukit). The Selangor Education Department was looking for candidates for the position of headmaster. It was to be a co-educational school and the vacancy was for a male. With no prior experience in school administration and at an age too young to be a head-mistress, the slender, cheongsam-clad Ah Lek Goo put in her application. And to her surprise, she was given the job. Ah Lek Goo or Miss Chai Yook Chin, as she became known, was the youngest, female school head in Kajang town.

Running the Hill Street school was a challenge. Unlike the premier schools at that time – Kajang High School and Kajang Convent (now SMK Convent Kajang), the Hill Street School did not attract the best brains in town because it was still new. Funding was also a problem. It was a small school and the parent-teacher association did not have much money or influence. It was difficult also to get good, experienced teachers to come to Hill Street. Yook Chin made it a point to religiously visit the Selangor Education Department every Saturday to ask for advice and learn the job. She was stymied by the pay sheet because Mathematics was not her favourite subject.

Humbly, she begged the finance clerk in charge of her school to teach her. She learnt the paysheet and made a good friend who later became her husband. Being young and inexperienced, Yook Chin learnt early the art of pestering. She found that if she were to go every Saturday and ask the officer in charge of say, furniture for the staff room, again and again persistently, she would normally get what she requested in the end. Thus, her Saturdays were sacrificed “haunting” the officers in charge of various facilities for her fledging school.

She was a natural leader and soon won the respect and co-operation of the teachers. They worked hard under her leadership and she made sure that she took care of their welfare. She knew instinctively not to micro-manage. She was easy-going and respected her teachers. They repaid her trust with good teaching. With adequate facilities and a good staff , the Hill Street school began to attract good students. Slowly but surely, it began to produce students with 5As for the Standard Five Examinations (which is equivalent to our UPSR). From a small school, Hill Street was upgraded to a B school.

In 1980, I enrolled in Standard One in Hill Street. I was proud to have such a good head-mistress because she was my mother. Everywhere we went, people recognised my mother and they spoke highly of her. The townsfolk were proud that a local girl had made good and be-come a headmistress. Yook Chin would have been content to be Hill Street’s headmistress until her retirement.

However, in 1986, the premier school, Kajang Convent School, did not have a headmistress. The Selangor Education Department urged her to take on the post. She was reluctant because the school was an A school and naturally, the position came with bigger and more responsibilities. But with more coaxing, she took on the challenge with a heavy heart. She worked in Convent until her retirement. She made sure that the teachers got new facilities and staffed the teaching team with many more able teachers. However, I believe in her heart of hearts, she still missed her baby, Hill Street (which is now called SRJK Jalan Bukit 1).

As Hill Street and Convent grew, so did the town. The influx of many outsiders especially in the time after her retirement made the relationship among the residents of Kajang distant. As the years went by, no one remembered Mrs. Mah Peng Wai and her contributions to Convent Kajang School. Her beloved Hill Street remembers her name no more. Many of the townsfolk who heard her sing had passed on or moved away.

When she died at the age of 65 in the year 2000, she was only mourned by her family and church friends. Yet she left a legacy - not only in Hill Street or Convent but also in me, her only child. Although I had witnessed how the job of a headmistress had taken a toll on my mother's health and the sacrifices she had to make for her schools, I still ventured into the education line. No, I am not a headmistress – I do not have her capabilities but I share her passion in providing quality education. As an English teacher, I am doing my bit for education in Malaysia."

Miss Chai Yook Chin ("Ah Lek Goo"): *"A real challenge: With her perseverance and determination, Yook Chin was able to raise the standards of the Hill Street school and was later asked to helm SMK Convent Kajang."*

(Sumber: Florence Mah Sau Fong, Kajang, Selangor @ The Star, 22 November 2015:

|

"A walk down Hill Street").

1964-01-01: Pembukaan

“D.Y.M.M Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah (Sultan selangor ke 7 pada masa itu) merasmikan Hill Street English Primary School (SK Jalan Bukit (Satu) Kajang)”

“GAMBAR - GAMBAR PERASMIAN HILL STREET ENGLISH PRIMARY SCHOOL PADA 01 JANUARI 1964”

(Sumber: Mohd Al-Azmi Fariz, 2011:

|

"PERASMIAN HILL STREET ENGLISH PRIMARY SCHOOL").

Sejarah SMK Jalan Bukit (1962)

1962-04: Sekolah Lanjutan @ SMK Tinggi Kajang: *“Sejarah SMK Jalan Bukit bermula pada April 1962. Pada mulanya sekolah ini ialah sebuah Sekolah Pelajaran Lanjutan untuk menampung murid-*

murid yang gagal dalam peperiksaan memasuki sekolah menengah (Malaysian Secondary School Entrance Examination). Pada peringkat awalnya, sekolah ini tidak mempunyai bangunan tersendiri dan hanya mempunyai seorang pengetua, 2 orang guru pelatih, 5 orang guru pelatih Pelajaran Lanjutan dan 150 pelajar, terpaksa menumpang 4 buah bilik darjah di SMK Tinggi Kajang. Setelah hampir setahun sekolah ini beroperasi, seramai 5 orang pelajar iaitu 2 orang pelajar lelaki dan 3 pelajar perempuan telah lulus dalam peperiksaan MMSEE dan dapat melanjutkan pelajaran ke SMK Tinggi Kajang dan SMK Convent Kajang. … Pada tahun 1962, terdapat 3 orang pengetua bertugas dalam satu tahun. Mereka ialah En. Satish Chand Bendari yang berkelulusan Maktab Kirby (1953) dan Teacher's Course (1961) di London. Selepas itu beliau digantikan oleh En. S.D. Durairaj yang berkelulusan Latihan Normal (1953) dan Teacher Trainer's Course (1961) di London."

1964-10-01: Blok Bangunan Sekolah Lanjutan: *"Pada tahun 1964 beliau digantikan oleh En. C.R. Samuel (PJK). Beliau dikurniakan pingat PJK oleh Sultan Selangor kerana jasa beliau berkhidmat sebagai pengetua di SMK Jalan Bukit selama 14 tahun. Beliau berkelulusan Latihan Normal (1950) dan Teacher Trainer's Course (1961). … Pada 1 Oktober 1964, 2 blok bangunan telah siap dibina, tetapi sekolah ini masih berfungsi sebagai Sekolah Pelajaran Lanjutan. Pada penghujung tahun itu, sekolah ini hanya mampu melahirkan seorang pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan yang lulus dalam peperiksaan L.C.E. Selepas itu, bangunan SMK Jalan Bukit yang terdiri daripada 2 blok bangunan dan 10 bilik tingkajadi amat penting sekali bagi menampung pelajar-pelajar lanjutan terutamanya kepada mereka yang datang dari SRJK Tamil dan SRJK Cina."*

1965-01-01: SMJK(Inggeris) Jalan Bukit: *"Pada 1 Januari 198(6)5, sekolah ini berfungsi sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan dan memulakan pelbagai jurusan dalam bahasa Inggeris serta asas kepada wujudnya SMK Jalan Bukit. Sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan, sekolah ini menerima pelajar-pelajar dari SRJK Cina, SRJK Tamil dan Sekolah Kebangsaan dari kawasan Semenyih, Kajang dan Bangi. Berikutan dengan fungsi sekolah ini sebagai sekolan bantuan penuh kerajaan, maka sekolah ini diberi nama Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Jalan Bukit atau Hill Street Lower Secondary School."*

1968: 2 Blok Sekolah: *"Dari segi infrastruktur, SMK Jalan Bukit hanya mempunyai 10 buah bilik darjah, sebuah daripadanya dijadikan bilik guru, sebuah perpustakaan dan pejabat sekolah. Kantin sekolah pada masa itu hanya sebuah pondok sementara. Pada tahun 1968 disebabkan pertambahan bilangan pelajarnya, maka 2 blok bangunan telah dibina yang mengandungi 10 buah bilik darjah, sebuah makmal sains, bilik jahitan, bilik masakan, bengkel elektrik, 4 buah stor dan sebuah tandas. … Pada tahun 1968, Dato' Harun Idris iaitu Menteri Besar Selangor pada masa itu pernah merasmikan Sukan Tahunan SMK Jalan Bukit bagi kali pertama."* Rekod Arkib Negara dan laporan akhbar sekitar tahun itu:-

- 20/03/1968: *"'Tugas sa-orang mata2 gelap bukan-lah mudah,' kata Ramlan bin Kasbi dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jalan Bukit, Kajang, Selangor."* (Berita Harian, 20 March 1968, Page 8:
  |
  "Mata2 gelap mesti berani hadap bahaya, kata penulis2 ini"
- 17/02/1972: Arkib Negara Malaysia 1992/0000628W:
  |
  "ENCHE A. MARIANANDAN, TUKANG SAPU, SRJK(ING) 2, JALAN BUKIT, KAJANG. I/C 0397361"

1973: SMK Jalan Bukit: *"Pada tahun 1973, atas kepentingan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Laporan Kabinet yang memastikan semua sekolah menengah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, maka Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Jalan Bukit bertukar kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Bukit. … PIBG sekolah ini ditubuhkan pada November 1973 dengan En. Yusoff b. Ahmad menjadi Yang Dipertua pertamanya. Antara jasa PIBG sekolah ini ialah*

memberi sumbangan kewangan untuk kelas tambahan Tingkatan 3 dan 5, subsidi kerusi meja, buku dan kebajikan murid serta pendingin hawa untuk perpustakaan." Namun menurut rekod-rekod di Arkib Negara, ia masih dirujuk sebagai SMJK(I) Jalan Bukit sehingga tahun 1977:-

- 04/03/1974: Arkib Negara Malaysia 1988/0015276W:
  |
  "YAAKUB BIN ABDUL RAHMAN, SEK. MEN JENIS KEBANGSAAN JALAN BUKIT, KAJANG, ALAMAT RUMAH:"
- 31/12/1977: Arkib Negara Malaysia 2008/0002097W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN INGGERIS JALAN BUKIT, KAJANG - BUNGA MELUR, 1977"

1976: Tingkatan Empat Sastera: *"Pada tahun 1976, kelas Tingkatan Empat Sastera telah dimulakan. Sebelum ini, mereka yang lulus L.C.E dihantar ke SMK Tinggi Kajang, SMKJ (Cina) Yu Hua dan SMK Convent Kajang."*

1977: Lulusan SPM Pertama: *"Pada tahun 1977, buat pertama kalinya sekolah ini telah mengeluarkan pelajar-pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)."* Rekod Arkib Negara sekitar tahun itu:-

- 31/12/1978: Arkib Negara Malaysia 2008/0002098W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 2, 1978"
- 31/12/1979: Arkib Negara Malaysia 2008/0002099W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 3, 1979"
- 31/12/1980: Arkib Negara Malaysia 2008/0002100W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 4, 1980"
- 31/12/1981: Arkib Negara Malaysia 2008/0002101W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 5, 1981"

1982: Logo Sekolah: *"Pada mulanya sekolah ini menjadikan warna merah dan hitam sebagai lambang sekolah dan "Suluh Menuju Kejayaan" sebagai logonya[Penjelasan diperlukan]. Tetapi pada tahun 1982, logo lamanya diganti dengan yang baharu dengan logonya ialah "Berdisiplin Berusaha Bermaruah" dan warna hijau menjadi warna dasar sekolah. Kesinambungan daripada lambang itulah pada peringkat awalnya iaitu sebelum pengisytiharan pakaian seragam sekolah-sekolah di Malaysia dikuatkuasakan, pelajar-pelajar SMK Jalan Bukit memakai seluar hijau dan kemeja putih untuk pelajar lelaki manakala skirt hijau dan kemeja putih untuk pelajar perempuan."* Rekod Arkib Negara sekitar tahun itu:-

- 31/12/1982: Arkib Negara Malaysia 2008/0002102W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 6, 1982"

1983: Tingkatan Empat Sains: *"Pada tahun 1982, sebuah bangunan lagi telah dibina yang mengandungi sebuah makmal Sains panduan Fizik, Biologi dan Kimia; 5 buah bilik darjah; sebuah perpustakaan; stor dan tandas untuk pelajar lelaki dan perempuan. Pada tahun 1983, kelas Tingkatan Empat Aliran Sains dimulakan sehingga ke hari ini dan menjadikan sekolah ini setaraf dengan sekolah-sekolah menengah yang lain di Daerah Hulu Langat."* Rekod Arkib Negara sekitar tahun itu:-

- 31/12/1983: Arkib Negara Malaysia 2008/0002103W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 7, 1983"
- 31/12/1984: Arkib Negara Malaysia 2008/0002104W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 8, 1984"
- 31/12/1985: Arkib Negara Malaysia 2008/0002105W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 9, 1985"
- 31/12/1986: Arkib Negara Malaysia 2008/0002106W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - SURIA, JILID 10, 1986"

1987: Bangunan Gotong-Royong: *"Menjelang tahun 1987, sebuah bangunan gotong-royong siap dibina dengan bantuan kewangan daripada Bank Dunia yang mengandungi 4 buah bilik darjah dan sebuah surau untuk pelajar perempuan."* Rekod Arkib Negara sekitar tahun itu:-

- 31/12/1987: Arkib Negara Malaysia 2008/0002107W:
  |
  "SEKOLAH MENENGAH JALAN BUKIT, KAJANG - BUKU CENDERAMATA, PERAYAAN JUBLI PERAK 1962-1987"

1988: Lengkap Dengan 6 Blok: *"Menjelang tahun 1988, sekolah ini boleh dikatakan lengkap dari segi infrastruktur dengan 6 blok bangunan. Sekolah ini dibahagikan kepada 2 sesi iaitu sesi pagi untuk Tingkatan 2, 3 dan 4 dan sesi petang untuk Tingkatan 1 dan Kelas Peralihan. … Kemudian digantikan oleh En. Akasah b. Leman berkelulusan Sijil Perguruan dan B.A (Hons) UM. Pada April 1988, beliau digantikan oleh En. Hj. Zubir b. Hj. Sahil berkelulusan Sijil Perguruan dan B.A (Hons) UKM. … Pada tahun 1988, Hari Ucapan SMK Jalan Bukit telah dirasmikan oleh En. Lee Kim Sai, Ahli Parlimen kawasan Hulu Langat."*

1998-1990: Kehadiran Ruhil Amani Hussein: Rekod di akhbar:-

- 1988-08-14: *"Nama penuh Ruhil ialah Ruhil Amani Hussein. Pelajar di Sekolah Menengah Jalan Bukit Kajang, Kuala Lumpur ini dilahirkan di Kuala Lumpur dalam April 1975."* (Berita Minggu, 14 August 1988, Page 8:
  |
  "Artis kanak2 punya bakat menyerlah"
- 1990-10-18: *"Ruhil kini menuntut di tingkatan tiga Sekolah Menengah Jalan Bukit, Kajang, Selangor."* (Berita Harian, 18 October 1990, Page 5:
  |
  "Ruhil belum pasti terus belajar").

PELAJARAN ATAU BERNYANYI: Ruhil tidak dapat menentukan haluan masa depannya.

Kiri: Ruhil, 1988
Kanan: Ruhil, 1990

(Sumber utama: Wikipedia: Sekolah Menengah Jalan Bukit).

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shaharir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From:
https://bangi.pulasan.my/ - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/sk_jalan_bukit

Last update: **2023/06/13 13:21**